

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI**

KAWASAN : [JELUTONG]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekarang terhadap pihak-pihak dan / ataupun individu-individu yang telah menyelewengkan dana yang telah disalurkan kepada (SEDIC) Socioeconomic Development of the Indian Community oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengauditan pertama ke atas SEDIC telah dijalankan pada 26 September 2018 oleh Jabatan Audit Negara. Sebarang penyalahgunaan di bawah pemerintahan Kerajaan lama (sekiranya ada) hanya dapat dikenal pasti selepas laporan akhir pengauditan dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.

Walau bagaimanapun, MITRA tidak mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan penyiasatan atau pendakwaan ke atas individu-individu yang didapati melakukan penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Dalam hal ini, MITRA yakin konsep “*Rule Of Law*” akan dipraktikkan dan segala kesalahan akan disiasat dengan sewajarnya oleh pihak berkenaan iaitu SPRM / PDRM. Sekian, terima kasih.